

Peruntukan tambahan laksana projek perlu

PUTRAJAYA17 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beberapa kementerian boleh memohon untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi melaksanakan projek perlu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan mahu mengurangkan kewangan berhemah bagi mengurangkan defisit, beliau sedar mengenai keperluan beberapa kementerian untuk mendapatkan dana tambahan bagi melaksanakan projek yang perlu dilaksanakan.

"Datuk Mustapa Mohamed (Menteri Di Jabatan Perdana Menteri) beritahu yang ada kementerian memerlukan wang tambahan oleh sebab banyak lagi projek yang perlu dilaksanakan dan mungkin tidak cukup.

"Sekarang ini, Datuk Mustapa telah memberi pandangan dia (jadi) menteri bolehlah respon dan membuat apa-apa keputusan yang wajar mengenainya," ujarnya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara DRB-Hicom Defence Technologies Sdn. Bhd. dan Augusta SpA dari Itali di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan media semalam yang menyatakan Malaysia sedang menimbang untuk memberi peruntukan tambahan bagi membiayai projek pembangunan sepanjang baki RMK-8 pada tahun ini dan tahun depan.

Laporan yang memetik Mustapa itu menyatakan bahawa kerajaan mungkin terpaksa

meningkatkan peruntukan di bawah RMK-8 tetapi ia tidak akan menjejaskan usaha untuk mengekang defisit belanjawan.

Di bawah RMK-8, dana berjumlah RM160 bilion telah diperuntukkan bagi pembangunan antara 2001 hingga 2005 yang mana hampir 70 peratus daripadanya telah dibelanjakan.

Menurut Abdullah, Mustapa akan membentangkan satu kertas kerja esok mengenai peruntukan dalam RMK-8.

"Ia berkenaan peruntukan yang masih ada dan bagaimanakah pengagihannya. Sebelum ini kita telah ambil tindakan awal untuk mengkaji semua projek yang telah ditetapkan di bawah RMK-8 dan bagaimana kita hendak susun semula dari segi kepentingannya," kata Perdana Menteri.

Mengenai pertikaian antara bekas Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie Bhd., Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dengan Lembaga Pengarah syarikat berkenaan, Abdullah berkata, keputusan mengenainya akan dibuat oleh Lembaga Pengarah Yayasan Pelaburan Bumiputera.

"Kalau dia sudah tulis surat, nanti bila yaysan bermesyuarat, kita akan pertimbangkan," katanya tanpa mengulas lanjut.

Abdul Khalid yang mendakwa dihalang secara tidak adil oleh Lembaga Pengarah Kumpulan Guthrie untuk membeli 13 peratus kepentingan syarikat itu melalui pilihan pembelian saham menyatakan telah mengadu kepada yaysan itu yang dipengerusikan oleh Abdullah.